



Reg. No. 1703 (SEL)

PERSATUAN TERAPI CARAKERJA MALAYSIA

(OT- MALAYSIA)

MALYSIAN OCCUPATIONAL THERAPY ASSOCIATION

MINIT MESYUARAT AGONG KE – 34

Tempat : Hospital Sungai Buloh, Selangor Darul Ehsan

Tarikh : 20 Mei 2010

Masa : 4.30 petang

Kehadiran:

- | | |
|--------------------------------------|-----------------------------------|
| 1. Muthuraman a/l Sellathurai Pathar | 14. Sukri Sulaiman |
| 2. Charlie Tan Wah Chiar | 15. Ooi Siew Chen |
| 3. Vicneas Wary A/P Veloo | 16. Vino Mohanasundram |
| 4. Awang Adnan Desa | 17. Armi Ubaidillah Abdul Mutalib |
| 5. Sangetavani Manoharan | 18. Nor Khiriah Baharin |
| 6. Rokiah Binti Alias | 19. Nor Emelia Jamaludin |
| 7. Dzalani Harun | 20. Nurfajrina |
| 8. Ranjana Jeya Dev | 21. Tang Eng Wah |
| 9. Tan Foo Lan | 22. P'ng Jie Yi |
| 10. Mohd Ghazali Masuri | 23. Ng Sim Luan |
| 11. Soh Say Beng | 24. Lim Xian Wei |
| 12. Siti Arbi Kamso | 25. Wong Ser Siew |
| 13. Datin Ruhani Hj. Ibbrahim | 26. Eirniza Zakaria |

27. Amy Sawal Esran
 29. Sin Nyen Yau
 30. Rosilawati Zainal
 31. Ooi Hwa Kee
 32. Chin Fui Fong
 33. Iylia Dayana Shamsudin
 34. Noor Shuhadah Abu Bakar
 35. Suhaimuddin Sulaiman
 36. Suhana Mohamad @ Ariff
 37. Faridah Che Hassan
 38. Zawiah Nordin
 39. Nurul Ain Sohkaimi
 40. Azlina Azmi
 41. Mumahammad Salihin
 42. Saharudin Ismail
 43. Hanif Farhan
 44. Kavaljit Kaur
 45. Anuar Manan
 46. Wisma @ Suriati Ilias
 47. Nathan Vythialingam
 48. Marsila Mis
 49. Sharifah Nur Yasminee Syed Noor Affendi
 50. Hajatun Zahirah
 51. Norhidayah Musa
 52. Siti Salwa Talib
 53. Nor Azliza Noor Azam
 54. Nurul Aida Rosli
 55. Juliana Ibrahim
 56. Ilia Diyana Marxaideit
 57. Thillainathan Krishnan
 58. Ridyazandriah Nurliza
 59. Suhana Hani Bastani
 60. Zuriati Samsudin
 61. Musaropah Sapihis
 62. Chandra Kannan
 63. Ahmad Kamal Mohd Natar
 64. V. Jeyachandran
28. Kuok Ah Mee

Agenda:

1.0 Ucapan Pengerusi

Pengerusi mengucapkan selamat datang dan ribuan terima kasih kepada semua ahli persatuan yang sudi hadir pada Mesyuarat Agung 34 ini. Mesyuarat telah diteruskan dengan kehadiran enam puluh empat (64) ahli persatuan.

Agenda Mesyuarat Agung 34 pada kali ini adalah untuk mengesahkan minit mesyuarat agung (33) tahun yang lalu, menerima dan mengesahkan laporan aktiviti tahunan 2009/2010, menerima dan mengesahkan laporan kewangan dan aktiviti bagi tahun 2009 dan membahaskan usul.

Pengerusi memohon maaf di atas segala kesulitan yang dialami semasa perubahan pucuk kepimpinan dari bekas Presiden En. Mohd Amir Mohd Hashim dan memaklumkan bahawa beliau telah dipilih sebagai Presiden berlandaskan perlembagaan persatuan yang sedia ada. Beliau juga mengumumkan bahawa Pn. Charlie Tan Wah Chiar dilantik sebagai timbalan presiden berlandaskan perlembagaan persatuan.

Pengerusi menekankan bahawa objektif utama persatuan adalah untuk merancang dan membangunkan profesion ini bagi membolehkan persatuan memanfaatkan setiap ahli dan juga profesion. Pengwujudan 'Allied Health Profesional Act' akan dibahaskan di Parlimen dan ini menjadi satu kemestian bagi semua Jurupulih Carakerja untuk menyediakan diri kearah yang lebih mencabarkan dimana akan mengredkan martabat profesion bertaraf dunia.

Oleh yang demikian, setiap ahli perlulah melengkapkan diri dengan pengetahuan serta kemahiran dalam bidang pemulihan carakerja untuk menguasai bidang kepakaran. Pengerusi memaklumkan bahawa pada masa-masa yang akan datang pihak persatuan akan menganjurkan banyak kursus dan bengkel. Maka diharapkan semua ahli dapat memberi kerjasama bagi sama-sama memajukan persatuan dan profesion.

Dalam tahun ini dimaklumkan bahawa persatuan juga akan menghadiri mesyuarat bersama Ketua Setiausaha KKM. Selain daripada itu persatuan juga akan mengadakan perjumpaan bersama Menteri Kesihatan Malaysia untuk membincangkan 'autonomous' profesion dan

juga sedang berusaha untuk bertemu dengan pihak PERKESO dan Kementerian Sumber Manusia serta Kementerian Pengangkutan untuk tujuan kerjasama untuk program 'Return To Work' dan 'Driving Rehabilitation'.

2.0 Mengesahkan Minit Mesyuarat

Mesyuarat telah meluluskan Minit Mesyuarat Agung ke 33 dengan cadangan dari Pn. Siti Arbi Kamsu dan telah disokong oleh En. Hanif Farhan.

3.0 Membenteng dan menerima laporan setiausaha

Setiausaha persatuan Cik. Vicneas Wary Veloo telah membentengkan laporan setiausaha. Laporan ini mengandungi aktiviti persatuan dan juga mesyuarat yang telah diadakan dari Julai 2009 hingga Mei 2010.

Sebanyak lima mesyuarat eksekutif telah diadakan di Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Sungai Buloh. Segala keputusan telah diambil samada berbincang melalui email atau semasa mesyuarat eksekutif.

Antara Aktiviti persatuan yang telah berjaya dianjurkan adalah:

3.1 Mesyuarat:

- Mesyuarat bersama Universiti Monash- Pihak wakil persatuan telah membincangkan keperluan untuk mewujudkan kursus OT peringkat degree oleh Monash University. Satu perbentangan telah dibuat dan dicadangkan supaya membuat program degree dan Master dalam jurusan OT.
- Mesyuarat Bersama Angkatan Tentera Malaysia- Kertas kerja penjawatan dan perbelanjaan telah dibincang. Juga dimaklumkan bahawa melibatkan semua Terapis yang berkerja di bawah ATM supaya dijemput ke mesyuarat dan Kursus- kursus yang dianjurkan.
- Mesyuarat bersama Webmaster mengenai Website- Website baru telah dibina dan boleh dilayari di www.Occupational-Therapy.org.my

- Mesyuarat Penambahbaikan Perlembagaan Persatuan bersama Peguam –Satu perjumpaan bersama Peguam Ranuka Devi telah diadakan pada 16 April 2010. Dirumuskan bahawa perlembagaan persatuan yang sedia ada tidak lagi mengikuti peredaran masa kini. Jadi tiba masa untuk mendrafkan perlembagaan persatuan yang baru dengan memperbaiki beberapa ayat dan perkataan.

3.2 Kursus:

- Penganjuran Kursus TBI bersama Hospital Sultan Tuanku Ja'far, Seremban
- Penganjuran Kursus Medical Legal Assessment For Occupational Therapist bersama Hospital Sulatanah Bahiyah, Alor Setar

3.3: Aktiviti Sosial:

- Perjumpaan bersama OT Malaysia yang Pertama- Satu perjumpaan bersama Pn. Aishah Hashim iaitu Jurupulih Carakerja yang pertama berkhidmat di Malaysia telah diadakan. Beliau amat gembira menyatakan hasrat untuk berjumpa dengan ahli pada masa-masa yang akan datang jika dijemput.
- Lawatan Dari German- Terapis bernama Heiko Mueller telah datang ke Malaysia dengan kerjasama Persatuan Terapi Carakerja. Beliau telah menulis sebuah artikel mengenai Pemulihan Carakerja di Malaysia dan jurnal Negara German bertajuk 'Ergotherapie Und Rehabilitation'. Artikel tersebut boleh dilayari pada rujukan Mueller H. Ergotherapie in Malaysia Et Reha 49.Jg.,2010,Nr.5:38-40, Hrsg.DVE.

3.4: Projek Persatuan

- **Jurnal OT-Malaysia-** Projek ini diketuai oleh PGM Education and Research. Pada masa ini satu draf 'Guidelines to Authors' telah dibentuk. Dr. Loh Siew Yim dicadangkan sebagai Ketua Penyunting. Beberapa Terapis Carakerja yang sedang melanjutkan pengajian sarjana dan doctor falsafah telah dihubungi untuk dilantik sebagai penyunting dan 'reviewer'. Seorang 'biostatistician' juga telah dicadangkan untuk membantu dalam penggunaan statistic dalam bahan yang dihantar. Pengumuman rasmi akan dibuat setelah semuanya siap.

Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju menerima laporan setiausaha dengan cadangan dari Prof. Nathan Vytialingam dan disokong oleh Pn. Marsila Mis.

4.0 Membentang dan Mengesahkan Laporan Kewangan 1 Januari 2009 hingga 31 Disember 2009.

Bendahari persatuan En. Awang Adnan Desa telah membentangkan laporan kewangan persatuan bagi tempoh 1 Januari 2009 hingga 31 Disember 2009. Juruaudit persatuan iaitu En.Rajinder Singh dan En. Muhammad Salihin telah mengesah benar Akuan Kewangan persatuan.

	Tunai	Bank
Baki hingga 31 Dis 2008	322.45	29,127.94
Baki hingga 31 Dis 2009	321.40	34,434.95

Cik. Noor Emelia Jamaludin telah mencadangkan agar laporan kewangan diterima dan telah disokong oleh Pn. Musaropah Sapihis. Mesyuarat telah sebulat suara bersetuju menerima laporan kewangan persatuan yang berakhir Disember 2009.

5.0 Membentang dan membahar usul Mesyuarat Agung 34

Usul 1: Cadadangan Untuk Mengurangkan Kadar Yuran Keahlian

Merujuk perkara diatas ingin meminta jasa baik pihak persatuan bagi mengurangkan kadar yuran ahli dari RM100.00 kepada RM50.00 setahun dan yuran keahlian seumur hidup dari 900.00 duturunkan kepada 500.00. Diharapkan persatuan dapat mempertimbangkan kadar yuran yang sedia ada agak membebaskan.

Pencadang: Pn. Tan Foo Lan, Cik. Zawiah Mohd Nordin

Keputusan: Mesyuarat bersetuju sebulat suara dengan cadangan ini dan eksekutif penggal 2009/2011 akan memohon dengan ROS untuk kelulusan secara hitam putih.

Usul2: Cadangan Untuk Rombakan Perlembagaan Persatuan

Dicadangkan bahawa perlembagaan persatuan yang sedia ada tidak begitu jelas. Oleh yang demikian, perombakan keseluruhan perlembagaan persatuan diperlukan supaya bersedia kearah perkembangan persatuan mengikut waktu ini. Perlembagaan ini telah di bincangkan bersama seorang peguam (Ms Ranuga Dewi) serta penasihat dan ahli jawatankuasa (A.Prof Nathan, Pn Tan Foo Lan, Pn Rokiah, Pn. Ooi Siew Chen, En. Muthuraman dan Cik Vicneas Wary Veloo)

Pencadang: Muthuraman Sellathurai Pathar

Keputusan : Mesyuarat bersetuju dengan usul ini dan dicadangkan bahawa ianya perlu di rombak dengan 'amendments'. Semua Ahli meneliti perlembagaan sedia ada dan setuju dengan perombakan pada kertas kerja yang dibentangkan. Kertas kerja tersebut akan di hantar ke ROS untuk kelulusan.

6.0 Penutup

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli persatuan di atas kerjasama yang diberikan sepanjang mesyuarat berlangsung. Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 6.45petang.

Disediakan Oleh:

Disemak Oleh:

Disahkan Oleh:

.....

.....

.....

VICNEAS WARY VELOO

SANGETAVANI MANOHARAN

MUTHURAMAN

SELLATHURAI PATHAR

SETIAUSAHA

TIMBALAN SETIAUSAHA

PRESIDEN

TARIKH: 05 JUN 2010

TARIKH: 10 JUN 2010

TARIKH: 12 JUN 2010